



Ruj. Kami : JBPM.IP.BKK.700-7/3/3 Jld.17(79)
Tarikh : 6 JANUARI 2026

SENARAI EDARAN SEPerti DI LAMPIRAN A

YAS Dato' Ir. Ts/ YAS Tuan/ YS Datuk/ YS Dato'/ YS Tuan/ Tuan/ Puan

PENETAPAN PELAKSANAAN PEMASANGAN SISTEM PENGAWASAN KEBAKARAN AUTOMATIK (SPKA) DAN PENGUATKUASAAN AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988 (AKTA 341) JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ("KPKT")** telah memuktamadkan pelantikan kepada empat (4) syarikat sebagai penyedia perkhidmatan Sistem Pengawasan Kebakaran Automatik ("SPKA") bagi tempoh Enam (6) Tahun bermula 18 Disember 2025 hingga 17 Disember 2031 dan pelantikan selanjutnya selepas tempoh tersebut akan diputuskan semula berdasarkan prestasi syarikat dalam tempoh kontrak di atas. Senarai syarikat dilantik adalah seperti di Lampiran A.
3. Syarikat dilantik akan membangunkan Sistem SPKA yang akan menghubungkan data-data Sistem SPKA syarikat secara integrasi menggunakan platform KPKTHub yang berpusat KPKT. Sistem SPKA ini akan dibangunkan dengan menggunakan teknologi *Internet of Things* (IoT) dan *Artificial Intelligence* (AI) dengan ketetapan bahawa **isyarat kebakaran sebenar hendaklah diterima** oleh JBPM dalam tempoh **maksimum 180 saat**. Ketidakaapaian syarikat dalam tempoh ditetapkan, penalti dan dimerit akan dikuatkuasakan kepada syarikat **berdasarkan kepada pengesahan pelaporan Jawatankuasa Kerja yang diterima hasil siasatan** bersama dengan BKK/PGOK dan PGO di JBPM Negeri. BKK/PGOK dan PGO Negeri hendaklah sentiasa memastikan capaian CCTV masa nyata melalui sistem SPKA boleh digunakan/ di akses sepenuhnya apabila kawalan ini menerima notifikasi kebakaran sebenar diterima.
4. JBPM Negeri adalah diwajibkan memastikan semua pemasangan, ujian fungsi, pelaporan dan pengesahan operasi sistem dipantau secara bersama oleh:
 - i. Penolong Pengarah, Bahagian Keselamatan Kebakaran ("PPBKK") Negeri
 - ii. Ketua Pusat Gerakan Operasi ("KPGO")/ Pusat Gerakan Operasi Kebangsaan ("PGOK")
 - iii. Pegawai BKK Negeri ("PBKK")
 - iv. Urus Setia SPKA JBPM

..2/

'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

Info lanjut sistem SPKA boleh dirujuk melalui laman web rasmi JBPM melalui laman sesawang **www.bomba.gov.my**

5. Untuk memastikan semua pelanggan memahami protokol SPKA, semua negeri adalah diarahkan untuk:

5.1 Hendaklah sentiasa melibatkan Syarikat pengendali SPKA dalam seminar Bahagian Keselamatan Kebakaran secara berkala dan memasukkan slot taklimat SPKA dalam tentatif program yang dianjurkan.

5.2 Bersama Urusetia SPKA bagi penyelarasan penglibatan syarikat dilantik.

6. Bagi memastikan pelaksanaan SPKA mematuhi perancangan dalam perjanjian yang telah dimeterai, JBPM Negeri hendaklah sentiasa mematuhi semua arahan jawatankuasa yang telah ditubuhkan seperti berikut:

- Jawatankuasa Pemandu SPKA
- Jawatankuasa Teknikal SPKA
- Jawatankuasa Kerja SPKA

7. **Jawatankuasa Kerja** hendaklah bertanggungjawab bagi memastikan perkara di bawah dilaksanakan:

7.1 SPKA berfungsi mengikut ketetapan perjanjian seperti berikut;

7.1.1 Kerajaan dan Syarikat dilantik

7.1.2 Syarikat dilantik dan Pelanggan SPKA;

7.2 Menjalankan tugas sepertimana ketetapan Jawatankuasa Teknikal SPKA;

7.3 BKK, PGO dan PGOK hendaklah sentiasa bekerjasama ke atas perkongsian maklumat/ pemasangan SPKA

7.4 Pelaporan operasi dan penguatkuasaan SPKA hendaklah dilaporkan sepertimana ketetapan sistem yang dibangunkan melalui KPKT Hub;

7.5 Tindakan pembetulan terhadap kelemahan syarikat atau premis dilaksanakan segera;

8. Tarikh pelaksanaan SPKA oleh syarikat adalah ditetapkan seperti berikut:

- **Tarikh mula pemasangan** : 1 April 2026
- **Tarikh penguatkuasaan ke atas premis** : 1 Januari 2027

Bagi pengeluaran surat sokongan Sijil Layak Menduduki (CCC) atau OP, Perakuan Bomba atau yang berkaitan, **selepas 1 April 2026**, pelanggan hendaklah diwajibkan melampirkan bukti permohonan/ pemasangan kepada syarikat yang dilantik oleh kerajaan. Kaedah penguatkuasaan secara terperinci adalah seperti **di Lampiran B**. Maklumat zon pemasangan SPKA syarikat, negeri terlibat, sasaran pemasangan dan pegawai rujukan adalah seperti **di Lampiran C**.

9. Kategori (pelanggan) premis dan premis ditetapkan bagi pemasangan SPKA adalah seperti berikut:
- i. Kategori Perakuan Bomba – Seksyen 27 Akta 341 & P.U.(A) 276/1998
 - ii. Kategori *Building Sarawak Ordinance (SBO)* 1994
 - iii. Selain daripada perkara i dan ii (UBBL 1984)

9.1 Kaedah penguatkuasaan:

- Kategori 9(i) melalui **Seksyen 33 Akta 341**
- Kategori 9(ii) & (iii) melalui **Seksyen 8 Akta 341**

Semua Pengarah Negeri dikehendaki untuk **memastikan perkara berikut dilaksanakan tanpa pengecualian:**

- 9.2 **Menguatkuasakan sepenuhnya Seksyen 27 dan P.U.(A) 276/1998** mengikut keperluan undang-undang sedia ada.
- 9.3 **Mengawal selia dan memastikan kerjasama teknikal** antara syarikat pelaksana dengan JBPM Negeri sentiasa berada dalam keadaan baik dan selaras dengan Perjanjian SPKA.
- 9.4 **Menguatkuasakan SPKA melalui Seksyen 55 Akta 341** berkaitan penggeraan kebakaran.
- 9.5 **Memastikan PGO/PGOK dapat memantau operasi kebakaran premis melalui SPKA (secara /live melalui CCTV)** tanpa sebarang gangguan capaian.
- 9.6 **Mengemukakan laporan berkala** kepada Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Teknikal SPKA mengikut tempoh yang ditetapkan.
- 9.7 Melaksanakan tindakan segera terhadap mana-mana premis atau syarikat yang gagal mematuhi keperluan pemasangan, fungsi teknikal atau integriti data SPKA.
- 9.8 Membantu Urus Setia SPKA JBPM dan syarikat dalam menjalankan kajian keberkesanan sistem SPKA dari masa ke semasa.

10. Ketua Pengarah berhak meminda Arahan Pelaksanaan SPKA ini dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Arahan ini juga hendaklah dibaca bersama-sama dengan apa-apa pekeliling, garis panduan atau surat pentadbiran yang berkaitan yang sedang berkuatkuasa. Dengan berkuatkuasanya arahan ini, Surat Arahan **JBPM.IP.BKK:700-7/3/3 Jld.17(20) bertarikh 25 Oktober 2024 bertajuk "Pelan Tindakan Pelaksanaan Sistem Pengawasan Kebakaran (SPKA) Selepas 24 Oktober 2024 (Tempoh Interim)" ADALAH DIBATALKAN.**

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung dengan perkara ini, YAS Dato' Ir. Ts/ YAS Tuan/ YS Datuk/ YS Dato'/ YS Tuan/ Tuan/ Puan boleh menghubungi Urus Setia SPKA JBPM **PgB Zainuddin bin Mat Daud di talian 03-8892 7707**. Kerjasama, perhatian dan tindakan YAS Dato' Ir. Ts/ YAS Tuan/ YS Datuk/ YS Dato'/ YS Tuan/ Tuan/ Puan berkaitan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI Ts. NOR HISHAM BIN MOHAMMAD)
Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

s.k

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
2. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
3. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
4. Setiausaha Bahagian
Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
5. YS Pengarah,
Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamatan
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
6. YS Pengarah,
Bahagian Keselamatan Kebakaran
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
7. YS Pengarah,
Bahagian Penyiasatan Kebakaran
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia..

-5-

8. YS Pengarah,
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

9. Pengarah
Bahagian Pengurusan
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia ..

- Adalah dipohon tindakan rekod, pemantauan dan tindakan bersama sepanjang tempoh kontrak (6+2) Tahun kepada cawangan berikut.

- Cawangan Pengurusan Kewangan JBPM
- Cawangan Teknologi Maklumat JBPM dan JBPM Negeri

SENARAI EDARAN

1. YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P. Kuala Lumpur
2. YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor
3. YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor
4. YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang
5. YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak
6. YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah
7. YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak
8. YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah
9. YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang
10. YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan
11. YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu
12. YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan
13. YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka
14. YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis
15. YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P. Labuan

16. YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P. Putrajaya

LAMPIRAN A**SYARIKAT DILANTIK BAGI MENJALANKAN PERKHIDMATAN;**

JBPM:T/(S)/14/2024 – PERMINTAAN UNTUK CADANGAN (REQUEST FOR PROPOSAL) BAGI PERKHIDMATAN MERANCANG, MEMBANGUN, MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH, MENGOPERASI, MENYELENGGARA DAN MENAIK TARAF SISTEM PENGAWASAN KEBAKARAN AUTOMATIK (SPKA) KEPADA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA DALAM TEMPOH (ENAM (6) TAHUN

NO	SYARIKAT DILANTIK	ZON PEMASANGAN	NEGERI
1	FIREATLINE SDN. BHD No. 8-4, Komplek Kormersill Akasa, Jalan Akasa, Akasa Cheras Selatan, SERI KEMBANGAN, SELANGOR	ZON 1	1. Kuala Lumpur 2. Negeri Sembilan 3. Melaka 4. Johor 5. Sabah 6. Labuan
2	CRYSTAL SOLARIS SDN BHD, A-13-1, Plaza Glomac, No. 6, Jln SS7/19 Kelana Jaya, 47301 PETALING JAYA, SELANGOR		
3	ANSA DIGITAL SDN BHD Lot No.06-20 (Postal Address 06-29) Sixth Floor, Berjaya Time Square, No 1 Jalan Imbi, 55100, KUALA LUMPUR WILAYAH PERSEKUTUAN	ZON 2	1. Selangor 2. Putrajaya 3. Perak 4. Pulau Pinang 5. Kedah 6. Perlis 7. Kelantan 8. Terengganu 9. Pahang 10. Sarawak
4	LITCOM ENGINEERING SDN BHD, 37-1 1 (Ground Floor), Jalan Zuhrah BH U5/BH Subang Murni, Seksyen U5 40150 SHAH ALAM SELANGOR DARUL EHSAN		

LAMPIRAN B

NO	KEPERLUAN PEMASANGAN SPKA	KAEDAH PENGUATKUASAAN	HUKUMAN
1	Perakuan Bomba Seksyen 27 & P.U.(A) 276/1998	Seksyen 29(4) Tafsiran seksyen 2 dan Seksyen 8	Seksyen 33 Seksyen 10
2	Kategori <i>Building Sarawak Ordinance (SBO)</i> 1994	Tafsiran seksyen 2 dan Seksyen 8	Seksyen 10
3	Selain daripada bangunan di bawah perkara 1 dan 2 (UBBL 1984)	Tafsiran seksyen 2 dan Seksyen 8	Seksyen 10

LAMPIRAN C

BIL	SYARIKAT/ KONTRAKTOR DILANTIK	JUMLAH PEMASANGAN/ LANGGANAN SYARIKAT	TALIAN UNTUK DIHUBUNGI (JBPM)	TALIAN UNTUK DIHUBUNGI (INDUSTRI)
1	FIREATLINE SDN. BHD No. 8-4, Komplek Kormersill Akasa, Jalan Akasa, Akasa Cheras Selatan, SERI KEMBANGAN, SELANGOR	3000	No. Tel: 016-223 3997 Email: mis@fireatline.com	Nama: Hafizullah Haq bin Abu Bakar No. Tel: 03-8659 2660 Email: enquiry@fireatline.com
2	CRYSTAL SOLARIS SDN BHD, A-13-1, Plaza Glomac, No. 6, Jln SS7/19 Kelana Jaya, 47301 PETALING JAYA, SELANGOR	3000	Nama: Aimi Syahirah binti Rosman, No. Tel: 03-20931281/ 011-23446056 No. Fax: 03-20934281 Email: info@crystalsolaris.com	Nama: Aimi Syahirah binti Rosman No. Tel: 03-20931281 No. Fax: 03-20934281 Email: info@crystalsolaris.com
3	ANSA DIGITAL SDN BHD Lot No.06-20 (Postal Address 06-29) Sixth Floor, Berjaya Time Square, No 1 Jalan Imbi, 55100, KUALA LUMPUR WILAYAH PERSEKUTUAN	3000	Nama: Shashitharan Nair No. Tel: 013-3182627 Email: contactus@ansa.my	Nama : Mohd Khalis Akmal bin Ahmad Khairiz No. Tel: 03-27795998 Email: contactus@ansa.my
4	LITCOM ENGINEERING SDN BHD, 37-1 (Ground Floor), Jalan Zuhrah BH U5/BH Subang Murni, Seksyen U5 40150 SHAH ALAM SELANGOR DARUL EHSAN	3000	Nama: EricDanson No. Tel: 016-3383633 Email: info@litcom.my	Nama: EricDanson No. Tel: 03-30078960 Email: info@litcom.my